

PILIHANRAYA UMUM UNIVERSITI: WAKIL TUNGGAL SPE MENANG KERUSI UMUM



Pe­lajar, Hasanal Hassan Alban, pelajar program Ekonomi Perancangan & Pembangunan (HE 05) menjadi wakil tunggal dari Sekolah Perniagaan & Ekonomi bertanding bagi merebut kerusi umum Majlis Perwakilan Pelajar universiti sesi 2007/2008. Manakala bagi kerusi sekolah 3 calon telah bertanding bagi merebut 3 kerusi yang diperuntukan untuk Sekolah Perniagaan & Ekonomi. Namun begitu ketiga-tiga calon telah menang tanpa bertanding bagi mengisi kekosongan kerusi sekolah setelah tiada kerusi dipertandingkan setelah tempoh penamaan dan bantahan tamat pada pukul 1.00 tengahari. Manakala pelajar, Hasanal Alban telah berjaya meraih undi besar bagi penggal 2007/2008 setelah menang dalam pilihanraya dengan mendapat undi sebanyak 3200. Dengan manifesto 'Mempertabatkan Mahasiswa', beliau telah dipilih menjadi salah seorang calon pilihan bagi mengisi kerusi Yang Di Pertua MPP yang baru. Kakitangan dan seluruh warga SPE mengucapkan tahniah atas pemilihan beliau dan mendoakan semoga beliau dapat melaksanakan tugas dengan penuh amanah.